

Tarikh Dibaca: 05 Disember 2025M / 14 Jumadal Akhirah 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“KESEJAHTERAAN UMMAH DI BAWAH
NAUNGAN SULTAN BERDAULAT”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“KESEJAHTERAAN UMMAH DI BAWAH NAUNGAN SULTAN BERDAULAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلِكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ
وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ
إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan

¹ Ali-Imran: 26.

² Ali-Imran: 102.

meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk ***"KESEJAHTERAAN UMMAH DI BAWAH NAUNGAN SULTAN BERDAULAT"***.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Institusi kesultanan dalam Islam tidak hanya dilihat sebagai lambang takhta dan kedudukan, lebih dari itu ia sebenarnya pasak kepada keadilan dan kestabilan sebuah pemerintahan. Sebagai *Ulil Amri*, sultan bertanggungjawab menjalankan amanah agung yang diberikan oleh Allah SWT untuk memelihara agama dan menjaga kesejahteraan rakyat jelata.

Di negeri Selangor, antara peranan besar yang dimainkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku pemimpin dan juga ketua agama Islam di negeri ini, adalah sebagai rujukan utama dan simbol penyatuan umat Islam, yang bukan sahaja memberi kelebihan kepada umat Islam, bahkan dapat mengekalkan keseimbangan hidup seluruh rakyat secara umumnya, walau berbeza agama, latar belakang dan budaya.

Prinsip seorang pemimpin dalam Islam digariskan bukan sekadar teori untuk dikongsi, malah telah dipraktikkan dan menjadi realiti sejak wujudnya pemerintahan Islam di Nusantara dan berkesinambungan hingga ke hari ini termasuk di negeri Selangor.

Sejarah kesultanan di Negeri Selangor yang bermula dengan Sultan Salehuddin Shah (Raja Lumu) Ibni Opu Daeng Chelak pada tahun 1766 menggambarkan kesinambungan tradisi kepemimpinan Islam yang diwarisi dari leluhur Melayu Bugis. Baginda merupakan Sultan pertama dinobatkan

oleh Sultan Perak sebagai pengasas kerajaan baru di Kuala Selangor. Ini mencerminkan hubungan erat antara institusi raja-raja Melayu dalam usaha memperteguh Islam sebagai tiang utama pemerintahan.

Peranan ini terus diwarisi hingga ke era Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj, Sultan Selangor yang kesembilan. Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj sangat dikenali dengan ketegasan baginda dalam memastikan umat Islam di Negeri Selangor berpegang kuat dengan akidah Islam yang sahih, hidup dalam perpaduan serta menikmati kesejahteraan yang terjamin dan terpelihara.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT,

Setiap kekuasaan di muka bumi ini hakikatnya datang daripada Allah SWT semata-mata. Pemimpin naik dan turun, kerajaan silih berganti, semuanya berlaku dengan izin dan ketentuan-Nya. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran ayat 26 yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad), "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan, Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki! Engkau yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah juga yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkau sahajalah terdapat segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas setiap sesuatu."

Ayat ini mengingatkan bahawa kekuasaan bukanlah milik manusia, tetapi amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT. Duli Yang Maha Mulia Sultan, sebagai pemegang amanah ini, sudah tentu akan

melaksanakan pemerintahan dengan penuh keadilan, berteraskan syariat serta berpandukan nasihat para ulama yang berilmu dan berautoriti. Maka bagi kita sebagai rakyat, menjadi kewajipan untuk mentaati pemimpin yang adil, kerana ketaatan tersebut adalah tanda ketaatan kepada Allah SWT.

Namun ketaatan tersebut hendaklah sentiasa berpaksikan kebenaran serta tidak bercanggah dengan perintah Allah SWT dan Rasul-Nya. Para ulama menegaskan bahawa setiap tindakan pemerintah mestilah berasaskan *maslahah 'ammah* (مَصْلَحَة عَامَّة) iaitu membawa kebaikan dan menolak kemudaratan bagi rakyat keseluruhan.

Berasaskan prinsip itu, kita dapat melihat ketegasan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam menetapkan dasar dan keputusan, semuanya mengambil kira kepentingan dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang menegaskan bahawa urusan tadbir pemerintah terhadap rakyat mestilah tertakluk kepada maslahat. Maka selagi keputusan yang dibuat berpandukan maslahat serta tidak bertentangan dengan syariat, ketaatan kepada pemerintah menjadi satu kewajipan yang mengukuhkan keharmonian dan kestabilan umat.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT,

Perpaduan rakyat di bawah naungan pemerintah merupakan kunci utama kepada kemakmuran dan kesejahteraan sebuah negara. Justeru, segala usaha dan kebijaksanaan yang digerakkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi memperkukuh kesatuan rakyat wajar dihormati serta dipatuhi dengan penuh keikhlasan, tanpa ragu dan tanpa berbelah bahagi.

Hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar *Radiallahuanhuma* bahawa Rasulullah SAW bersabda:



عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

"Wajib bagi setiap Muslim patuh dan taat (kepada pemimpin) pada apa yang dia suka dan dia benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Justeru apabila dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi kewajipan untuk patuh dan taat."

(Riwayat Muslim).

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sejak menaiki takhta pada tahun 2001, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, sentiasa menzahirkan komitmen yang tinggi dalam memartabatkan agama Islam, memelihara kesejahteraan rakyat serta memastikan kehidupan masyarakat terus harmoni, rukun dan damai. Baginda konsisten memberikan pandangan dan pertimbangan yang bijaksana demi memastikan negeri ini kekal sejahtera dan teratur.

Keprihatinan baginda dalam memupuk kesatuan dan kekuatan umat Islam terserlah melalui titah, amanat dan pendirian baginda yang sentiasa menegaskan pentingnya umat menjauhi segala bentuk perbalahan, persengketaan dan perpecahan. Baginda menekankan bahawa perpaduan adalah asas kekuatan ummah dan punca tegaknya kesejahteraan negeri.

Dalam hal ini, para pentadbir masjid dan surau turut dititahkan agar menjadi lambang kesatuan umat, bersikap berkecuali daripada politik kepartian, menjadi pusat ilmu Islam yang membina kefahaman dan akhlak,

serta menggerakkan program keagamaan yang mendidik masyarakat supaya berinteraksi dengan adab, berakhlak mulia dan meningkatkan takwa kepada Allah SWT.

Baginda juga amat menitik beratkan pendidikan agama agar diberikan keutamaan, dengan keseimbangan terhadap pembentukan sahsiah dan akademik pelajar. Penekanan ini penting supaya pelajar mampu memahami agama dengan kefahaman yang tepat, di samping bersedia menghadapi tuntutan dunia yang semakin mencabar. Baginda turut menitahkan agar pelajar aliran agama dan tahfiz dihormati serta diberi peluang yang setara, duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan pelajar daripada aliran pendidikan lain.

Selain itu, kebajikan, keselamatan dan kesihatan pelajar dalam aliran agama turut menjadi perhatian utama baginda. Baginda menegaskan bahawa semua sekolah Islam swasta hanya boleh beroperasi setelah memenuhi sepenuhnya syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Selangor agar mutu pendidikan Islam kekal terpelihara.

Dalam memastikan akidah umat Islam kekal berada di landasan yang sahih, baginda menegaskan bahawa ajaran Islam yang benar mesti dipelihara dan dipertahankan dengan penuh ketegasan. Baginda mengingatkan bahawa kekuatan akidah wajib menjadi benteng utama umat, benteng yang tidak mampu digugat oleh ajaran sesat atau mana-mana fahaman yang menyimpang.

Seterusnya, baginda juga amat menitikberatkan soal tadbir urus yang berintegriti. Baginda menyuarakan rasa dukacita terhadap kes-kes penyelewengan, salah guna kuasa, pecah amanah dan rasuah yang

semakin kerap berlaku. Baginda menegaskan bahawa perbuatan melanggar amanah adalah kezaliman yang merosakkan organisasi, melemahkan sistem dan menjejaskan perkhidmatan kepada rakyat. Dalam hal ini, baginda turut memberikan pandangan serta idea dalam memperkukuh sistem pengurusan kewangan Islam khususnya dalam institusi zakat dan wakaf di negeri Selangor agar lebih telus, berkesan dan memberi manfaat yang menyeluruh kepada umat.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Sesungguhnya kekuatan sesebuah negeri tidak hanya bergantung pada sumber alam, kekayaan atau kemajuan fizikal semata-mata, tetapi turut disandarkan kepada kesetiaan rakyat terhadap pemimpin yang adil serta bertanggungjawab.

Dalam erti kata lain, ketaatan rakyat kepada pemerintah yang adil akan terus membawa ke arah kestabilan dan keharmonian. Apabila rakyat bersatu dengan semangat taat setia dan pemimpin memerintah dengan amanah serta hikmah, maka dengan izin-Nya akan turunlah keberkatan dari langit dan keluarkanlah kebaikan dari bumi, kerana itulah *sunnatullah* bagi sebuah negeri yang rakyatnya beriman dan pemimpinnya bertakwa.

Firman Allah SWT dalam Surah al-‘Araf ayat 96 yang bermaksud:

“Dan (Allah berfirman lagi), “Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, pastilah Kami akan membuka (pintu pengurniaan) untuk mereka yang melimpah ruah keberkatannya dari langit dan bumi.”

Oleh yang demikian, wahai jemaah sekalian, peliharalah ikatan ini. Jangan biarkan rasa curiga dan bisikan fitnah meruntuhkan tiang



kepercayaan. Di bawah naungan sultan yang adil, negeri akan makmur, rakyat hidup dalam aman dan sejahtera serta martabat Islam akan terus dipandang tinggi dan dihormati. Moga Allah SWT sentiasa mencurahkan taufiq, hidayah dan inayah-Nya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta rakyat di negeri ini, agar terus berpaut pada tali ketaatan, bernaung di bawah panji Islam dan hidup dalam limpahan keberkatan.

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian:

1. Kita hendaklah memahami dan menghormati peranan *Ulil Amri* dengan mentaatinya dalam perkara yang tidak bertentangan dengan syariat demi memelihara kesatuan ummah.
2. Kita hendaklah menjadi rakyat yang proaktif dengan memainkan peranan dalam menyokong program kebajikan dan terlibat dalam usaha membangun negeri dan negara.
3. Kita hendaklah mensyukuri nikmat hidup dalam negeri yang aman dan makmur dengan terus memupuk keharmonian, menjunjung ketaatan, dan menyokong usaha-usaha pembangunan masyarakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ
مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا .



“Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) serta Ulil Amri (orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu! Kemudian, jika kamu berbeza pendapat (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan Rasul-Nya (sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagimu) dan lebih elok pula kesudahannya.”

(Surah al-Nisa': 59).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلاَةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁶ Al-Nahl: 90.